

Pelancongan tingkat pengetahuan pelajar

► Babitkan semua mahasiswa, kakitangan dan warga UMS

UB 4.8.2016 A6

Oleh NORNASHA SABLİ
(Pelatih UMS)

KOTA KINABALU: Aktiviti pelancongan buka peluang kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk memperolehi pembelajaran tidak formal dan interaksi sihat.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata aktiviti yang dibuat menerusi pemerhatian, pentafsiran dan menghargai alam semulajadi memberi

pendedahan mengenai keistimewaan yang terdapat di UMS.

Pada masa sama katanya, kedatangan pelancong yang menyertai aktiviti pelancongan di UMS secara tidak langsung turut memberi kesan positif khususnya kepada pelajar dan juga kakitangan UMS.

Beliau berkata dengan adanya Pusat Informasi Pelancong UMS banyak aktiviti pelancongan dapat dijalankan.

Menurutnya pusat berkenaan yang ditubuhkan

sejak 2013 bertanggungjawab penuh dalam memastikan kelestarian kampus UMS.

“Usaha yang dibuat merangkumi lima teras dan elemen utama termasuklah pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan, pentadbiran, anjakan paradigma, serta ketetapan minda.

“Ia melibatkan semua mahasiswa, kakitangan dan warga UMS yang lain,” katanya.

Harun berkata demikian ketika berucap pada Majlis

Pelancaran Pusat Informasi Pelancong UMS-Eko Kampus (Evic), di sini kelmarin.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Beliau berkata UMS turut membentuk lapan jawatankuasa pada 2015 melalui Pusat Pengurusan Eko Kampus UMS.

“Jawatankuasa ini bagi memastikan pusat berkenaan mampu melaksanakan visi dan misi dalam mencapai



MASIDI (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan fotografi pada majlis itu. Turut kelihatan Harun (kiri).

aspirasi UMS sebagai kampus lestari.

“Salah satu daripada

jawatankuasa yang dibentuk adalah Jawatankuasa Pelancongan UMS Eko

Kampus yang menguruskan semua aktiviti pelancongan di seluruh kampus,” katanya.